

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 10.06.2015 (RABU)

PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan
sebab harga susu bayi dan lampin pakai buang tidak menurun selepas
GST seperti yang dinyatakan dalam Panduan Harga Pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Buku Panduan Harga Pengguna hanyalah semata-mata sebagai panduan atau rujukan umum bagi harga barangan keperluan asas yang terpilih sahaja dan ia tidak boleh digunakan sebagai rujukan untuk apa-apa tindakan undang-undang. Harga susu bayi dan lampin pakai buang yang dipaparkan dalam Buku Panduan Harga Pengguna adalah berdasarkan kepada kutipan harga purata bulan November 2014. Harga purata pada bulan November 2014 diambil sebagai rujukan kerana harga bulan tersebut adalah stabil berbanding harga bulan Disember 2014 yang mengalami kenaikan akibat bencana alam (banjir) yang melanda negeri Pantai Timur.

Selain itu juga, harga purata bulan November 2014 menunjukkan trend harga yang hampir sama dengan bulan April 2015, iaitu semasa bermulanya pelaksanaan GST. Buku Panduan ini juga tidak menggunakan harga purata pada bulan Januari dan Februari 2015 kerana pada setiap tahun harga pasaran ketika itu berada di tahap harga yang rendah.

Harga susu bayi dan lampin pakai buang tidak menurun selepas pelaksanaan GST juga disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti permintaan dan penawaran, kadar tukaran mata wang asing dan kesan lain yang boleh mempengaruhi kenaikan harga barang atau perkhidmatan tersebut pada masa akan datang. Pengguna juga boleh membuat aduan kepada pihak KPDNKK untuk menyiasat dan mengambil tindakan susulan sekiranya terdapat kenaikan harga yang tidak munasabah selepas pelaksanaan GST.